

Tarik rakyat tempatan kerja 3D

MEF syor kerajaan beri insentif

Bantu syarikat guna teknologi automasi, elak ambil pekerja asing

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mencadangkan kerajaan memberi insentif kepada syarikat yang melaksanakan operasi 3D (kotor, bahaya dan sukar) untuk berganjak kepada penggunaan teknologi automasi.

Kos bagi membiayai transformasi itu pula boleh menggunakan hasil levi pekerja asing dibayar majikan yang dianggap menyumbang keseluruhan RM4 bilion setiap tahun.

Pengarah Eksekutif MEF, Datuk Shamsuddin Bardan, berkata hasil bayaran levi itu boleh diletakkan dalam tabung khas bagi keperluan majikan atau syarikat yang memerlukan suntikan insen-

tif bagi pelaburan dalam bidang Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

“Kerajaan tidak sepatutnya mengira hasil kutipan levi itu sebagai pendapatan. Ia sepatutnya disalurkan ke dalam tabung khas bagi membantu majikan meningkatkan operasi, khususnya dalam automasi.

“Syarikat memerlukan bantuan untuk pelaburan dalam bidang automasi. Kemampuan kewangan majikan untuk menggunakan pakai teknologi itu agak terhad kerana mereka majikan kecil, nak melabur dalam automasi mahal,” katanya ketika dihubungi *BH*.

Beliau mengulas laporan *BH*

pada Sabtu lalu bahawa kebanyakan kerja sektor 3D yang selama ini hanya sanggup dilakukan warga asing kerana persekitarannya kotor, sukar dan berbahaya, sebenarnya mampu menarik minat generasi muda tempatan jika disokong penggunaan teknologi tinggi robotik.

Shamsuddin berkata, MEF bersejua bahu perubahan pekerjaan 3D dengan penjenamaan semula operasi itu kepada penggunaan teknologi tinggi, mampu menarik pekerja tempatan, khususnya golongan muda.

Jika itu menjadi kenyataan, beliau yakin ia mampu mengurang-

kan kebergantungan kepada tenaga kerja asing yang sebelum ini terpaksa digajikan majikan kerana tiada pilihan.

“Sebenarnya, kalau boleh kita nak ambil pekerja tempatan. Majikan yang mengambil tenaga kerja asing terpaksa membelanjakan jumlah yang besar juga, termasuk wang pendahuluan dan levi pekerja asing.

“Namun, majikan tiada pilihan sebab pekerja tempatan memang tak minat (kerja 3D). Namun, jika ada automasi, mungkin majikan boleh kurangkan jumlah pekerja kerana penggunaan mesin berteknologi tinggi boleh melakukan kerja manusia,” katanya.

Mengenai kedudukan negara ke arah penggunaan IR 4.0 dalam sektor pekerjaan 3D, Shamsuddin mengakui perjalanannya agak perlahan kerana tidak disokong persekitaran yang positif terhadap teknologi itu.

“Tiada guna sesebuah syarikat melabur dalam automasi untuk kerja 3D. Contohnya, bagi kerja-kerja khidmat pembersihan, jika tiada sistem sokongan disediakan seperti tong sampah bersesuaian, tidak ada guna melabur dalam automasi,” katanya.



“Kemampuan kewangan majikan untuk menggunakan teknologi itu agak terhad kerana mereka majikan kecil, nak melabur dalam automasi mahal.”

Shamsuddin Bardan,
Pengarah Eksekutif MEF



Keratan akhbar BH
kelmarin.